

22 DISEMBER 2017

Makmal Geng 24 punah



Ab Rashid membungkus dadah syabu yang dirampas dalam serbuan pada sidang media di IPK Selangor, semalam.

Faliq Lajim
hmetroshahalam
@hmetro.com.my

Shah Alam

Polis membongkar kegiatan haram dua ahli kumpulan kongsi gelap Geng 24 yang menjadikan dua rumah termasuk banglo di sekitar Klang sebagai stor dan makmal mini memproses syabu. Selasa lalu.

Serbuan itu dijalankan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan hasil maklumat dan risikan.

Timbalan Ketua Polis Selangor Datuk Ab Rashid Ab Wahab berkata, serbuan pertama membabitkan banglo yang dijadikan stor penyimpanan dadah di Bandar Puteri, kira-kira jam 4 petang.

"Ketika serbuan, dua suspek berusia 37 dan 40 tahun berada di dalam rumah.

■ Banglo dijadikan pusat proses syabu diserbu hasil risikan, nolis

HARIAN METRO

"Kami menemui syabu seberat 8.9 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM628,348 dan beberapa peralatan untuk membungkus dadah," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramlil.

Menurut beliau, ia kemudian membawa kepada serbuan di sebuah rumah yang dijadikan makmal di Kampung Jawa pada jam 7.30 malam hari sama.

"Kami merampas cecair disyaki minyak methamphetamine sebanyak 54,382 milliliter (ml) dan seekilogram dadah jenis sama serta peralatan yang dipercayai digunakan untuk memproses dadah.

"Nilai rampasan dadah itu dianggarkan RM73,570 dan kami percaya ia untuk pengedaran di pasaran tempatan," katanya.

Kata Ab Rashid, serbuan pihaknya mendapati kedua-dua suspek pernah ditanah atas kesalahan sama dan dikenakan tindakan mengikut Seksyen 31(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1987.

"Siasatan awal mendapati mereka turut terlibat dalam kumpulan kongsi gelap Geng 24.

"Kami turut menyita sebuah kereta Mazda RX8, wang tunai RM9,500 dan dua rantai emas untuk tindakan lanjut," katanya.

memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah-Berbahaya 1952.

Sementara itu, Shamsul Amar berkata, rampasan dadah berkenaan dianggap terbesar bagi pihaknya tahun ini dan akan terus mempergiatkan operasi memberantas kegiatan berkenaan.

"Jumlah keseluruhan rampasan itu dianggarkan mencecah sehingga RM2.4 juta selepas selesai proses," katanya.



BEBERAPA peralatan dan alat penimbang yang digunakan untuk membungkus dadah syabu.



MAKMAL GENG 24 PUNAH



BUNGGUSAN dadah yang bernilai RM73,570.